

03 NOV 2000

Mahathir-Parlimen

MAHATHIR IKUTI BAHAS DEWAN RAKYAT DARI PEJABAT PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kecewa dengan kehadiran sesetengah anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) di Dewan Rakyat, berkata beliau kini boleh mengikuti perbahasan di Parlimen dari pejabat beliau di Putrajaya.

"Saya kini boleh melihat perbahasan itu kerana ia telah dihubungkan ke pejabat saya, dengan itu saya boleh melihatnya dari pejabat saya di Putrajaya.

"Saya boleh meninjau ke dalam dewan dan melihat siapa yang bercakap dan siapa yang tidak bercakap, saya juga tahu bila dewan itu kosong," kata beliau ketika diminta mengulas laporan mengenai kehadiran anggota Parlimen di Dewan Rakyat.

Akhbar New Straits Times hari ini melaporkan bahawa Kabinet mengambil perhatian bahawa sesetengah anggota Parlimen BN tidak pun hadir di Dewan Rakyat untuk bertanyakan soalan yang sudah dikemukakan secara bertulis.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga whip BN, telah mengeluarkan pekeliling mengenai perkara itu dan telah memberitahu anggota-anggota Parlimen itu agar tidak ponteng dan menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata bahawa beliau sudah memberi amaran kepada anggota-anggota berkenaan tentang tanggungjawab mereka menghadiri persidangan Dewan Rakyat dan sedang mengambil perhatian akan perkembangannya.

"Saya telah memberi amaran kepada mereka, jadi saya sedang mengambil perhatian," katanya.

Perdana Menteri telah memberi amaran pada mesyuarat pra-persidangan bagi anggota Parlimen BN pada 16 Okt bahawa rekod kedatangan anggota dewan akan menjadi faktor dalam menentukan sama ada mereka akan dicalonkan semula pada pilihan raya akan datang.

Beliau telah menyatakan bahawa anggota dari BN yang tidak menghadiri persidangan Parlimen tanpa sebab yang munasabah mungkin tidak akan dicalonkan semula.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO